

Sektor swasta, NGO disaran aktif pulihara hutan

Raub: Sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) diminata lebih aktif membantu pemuliharaan hutan dan menjaga alam sekitar demi kepentingan generasi akan datang.

Pembabitkan mereka dapat meringankan tugas Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dan Pejabat Hutan Daerah Raub yang bertanggungjawab mengawal dan memulihara hutan.

Pegawai Daerah Raub, Datuk Ismail Mohd Ali, berkata kerjasama erat NGO dan swasta akan melancarkan lagi tugas jabatan itu yang dibebani dengan pelbagai tanggungjawab lain.

Katanya, masyarakat juga perlu tampil bekerjasama apabila diadakan program, termasuk menanam pokok yang sering dianjurkan agensi berkaitan.

“Saya memuji ke-sungguhan Pertubuhan Perlindungan Khazanah Alam (PEKA) yang setiap tahun bekerjasama dengan pejabat hutan daerah ini mengadakan program menanam pokok di sini dan ini perlu dicontohi NGO lain.

“Saya yakin jika usaha seperti ini dapat diteruskan, lebih banyak kawasan hutan dapat dipulihkan dengan tanam semula pokok balak berkualiti tinggi,” katanya selepas Program Gotong-Royong Menanam Pokok di Hutan Simpan Teranum.

Hadir sama, Pegawai Perhutanan Daerah Raub, Zulfakar Ali.

FAKTA NOMBOR

1,500

pokok

cengal dan
balau ditanam

12.6

hektar

keluasan Hutan
Simpan Teranum, Raub



Peserta menaman **pokok balak** pada program gotong-royong menanam pokok di Hutan Simpan Teranum, Raub.

[FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH]

Sementara itu, Zulfakar berkata, setiap tahun, aktiviti menanam pokok balak di kawasan yang dikenal pasti dicebroh dilakukan bagi memastikan kawasan terbabit bebas daripada masalah hakisan.

Ahli PEKA, Datin Rossetti Aishah Rashidi, berkata setiap tahun PEKA mengadakan program menanam pokok dan membersihkan kawasan

hutan, taman permainan dan pusat rekreasi seluruh negara.

Tahun lalu, PEKA mengadakan aktiviti menanam 2,000 pokok balak di Hutan Simpan Teranum dan kali ini program sama dianjurkan membabitkan lokasi lain di kawasan hutan sama.

“PEKA sememangnya prihatin dengan alam sekitar dan ahli kita sanggup masuk hutan semata-mata untuk menanam pokok balak,” katanya.

13/11/12 KEBW Jumaat
3/8/12